



KUMPULAN YAYASAN SABAH

Menara Tun Mustapha

Kompleks Ibu Pejabat Yayasan Sabah

Teluk Likas, Peti Surat 11623

88817 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Tel: 6 088 326300 Faks: 6 088 326424

E-mel: ysinfo@ysnet.org.my

Laman Web: <http://www.yayasansabahgroup.org.my>

SIARAN MEDIA

[MEDIA RELEASE/STATEMENT]

UNTUK SIARAN SEGERA

8 Mei 2024

KUMPULAN YAYASAN SABAH MANTAPKAN VISI PERTUMBUHAN STRATEGIK

KOTA KINABALU (Rabu): Kumpulan Yayasan Sabah mengadakan Permukiman Pengurusan Kanan dan Anak-anak Syarikat dari 7 hingga 9 Mei 2024 bertempat di Nexus Resort & SPA Karambunai. Program ini merupakan salah satu detik penting dalam pertumbuhan strategik Kumpulan Yayasan Sabah.

Dalam ucapannya, Pengerusi Eksekutif Innoprise Corporation Sdn. Bhd. (ICSB), Datuk Jasni bin Daya, menzahirkan rasa terima kasih kepada kesemua peserta yang mengikuti program tersebut dan menekankan kepentingan permukiman itu demi mengukuhkan komitmen objektif teras Kumpulan Yayasan Sabah.

Menekankan kepentingan untuk menyelaraskan sebarang usaha dengan Enakmen Yayasan Sabah 1966, Datuk Jasni menggariskan pentingnya pelaburan anak syarikat kekal menguntungkan sambil menyumbang dividen yang bermakna kepada Kumpulan Yayasan Sabah.

Beliau juga turut berkata, "Dalam memetakan pelan perniagaan masa hadapan, kita perlu menumpukan kepada keuntungan jangka pendek dan mempertimbangkan kemampuan serta kesan jangka panjang segala keputusan yang kita lakukan. Kita mesti berani dalam aspirasi kita selain pragmatik dalam segala pelaksanaan. Kita mesti mencari pasaran baharu, teknologi dan model perniagaan sambil kekal berpegang teguh kepada nilai dan prinsip yang telah membimbing kita selama ini."

“Dalam tempoh tiga hari ini, setiap CEO anak syarikat akan membentangkan rancangan perniagaan lima tahun mereka (2024-2028). Saya menjemput semua yang hadir untuk memberi komen yang membina semasa sesi pembentangan. Permukiman ini, ialah selaras dengan seruan Ketua Menteri Sabah merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Sabah, Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, bukan sekadar satu keperluan tetapi peluang yang penting membolehkan kita meninggalkan rutin harian dan memberi tumpuan kepada perancangan strategik, pembinaan pasukan, dan pertumbuhan peribadi. Ini bukan sahaja penting untuk kejayaan jangka panjang tetapi juga menandakan detik penting dalam membentuk masa depan keluarga besar pelbagai entiti ICSB,” kata beliau.

Permukiman tiga hari itu bertujuan untuk memupuk kerjasama dan sinergi di kalangan Pengurusan dan anak-anak syarikat ICSB untuk meningkatkan prestasi dan memacu pertumbuhan yang kukuh. Para peserta akan melibatkan diri dalam perbincangan strategik untuk mengenal pasti peluang, menangani cabaran, dan merangka pelan yang boleh diambil tindakan untuk memacu Kumpulan Yayasan Sabah ke arah kejayaan yang mampan melalui kerjasama dan inovasi.

Turut hadir pada permukiman tersebut adalah Pengarah Yayasan Sabah, Dato’ Sri Haji Gulamhaidar bin Khan Bahadar.

Apabila permukiman berakhir, Kumpulan Yayasan Sabah bakal bersedia untuk melaksanakan inisiatif strategik dalam mengoptimumkan pelaburan, meningkatkan prestasi perniagaan dan memacu kemajuan sosioekonomi di Sabah pada tahap yang lebih efektif.

Kumpulan Yayasan Sabah kekal teguh dalam misinya untuk memperkasakan masyarakat dan memupuk pembangunan mampan di seluruh negeri.



Gambar 1: *Datuk Jasnih berucap kepada peserta permukiman. Turut dalam gambar, Dato' Sri Haji Gulamhaidar.*

-----TAMAT-----

Sebarang maklumat, sila hubungi:

Sam S. Karnail
Pengurus Kumpulan
Bahagian Komunikasi Korporat
Kumpulan Yayasan Sabah
Tel : 088-326448
Faks : 088-421526
Emel : ynwaskarnail@gmail.com